

PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB. TUAN LIEW CHIN TONG
KAWASAN : KLUANG
TARIKH : 10 MAC 2015, SELASA

SOALAN:

YB. TUAN LIEW CHIN TONG (KLUANG) minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan status permohonan pembinaan jejantas sepanjang FT050 Jalan Mersing di persimpangan Jalan Bakar Sampah (Sek. 54.5), Taman Sam Hoe (Sek. 56.4), Taman Desa (FT050/49/800), Jalan Mesjid (FT050/53/800), Masjid India (FT050/54/600) serta Sekolah Agama Gunung Lambak (FT050/55/300). Apakah kriteria yang perlu dipenuhi sebelum cadangan pembinaan jejantas di laluan jalan persekutuan dapat dipertimbangkan.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua;

Pembinaan jejantas pejalan kaki adalah merupakan antara salah satu daripada inisiatif Kerajaan bagi mewujudkan persekitaran jalan yang lebih selamat dan terjamin kepada semua lapisan pengguna. Pemilihan lokasi pejalan kaki ini kebiasaannya terletak di tempat-tempat tumpuan awam seperti sekolah dan kawasan bandar. Manakala reka bentuk laluan pejalan kaki pula terdiri daripada jenis jambatan, lintasan searas berlampu isyarat dan juga lintasan belang ('zebra crossing').

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, cadangan pembinaan sesuatu laluan pejalan kaki di Jalan Persekutuan / Jalan Negeri / Lebuhraya dibuat berasaskan kepada hasil laporan audit keselamatan oleh Jabatan Kerja Raya (JKR) untuk Jalan Persekutuan / Jalan Negeri; dan Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM) untuk lebuhraya. Antara kriteria utama pembinaan laluan pejalan kaki itu ialah mengambil kira faktor keselamatan awam, jumlah trafik kenderaan dan bilangan pejalan kaki, serta data kemalangan di kawasan lokasi terlibat.

Kementerian ini telah meneliti cadangan pembinaan beberapa jejantas pejalan kaki di Jalan Persekutuan FT50 (Jalan Mersing) di sekitar bandar Kluang, sebagaimana 6 lokasi yang telah dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat itu. Berdasarkan maklum balas daripada JKR Daerah Kluang, cadangan jejantas pejalan kaki tersebut tidak memenuhi kriteria minimum yang ditetapkan, antaranya jumlah

bilangan pejalan kaki hendaklah melebihi 100 orang pada waktu puncak dan tiada rekod kemalangan melibatkan pejalan kaki yang dicatatkan di kawasan berkenaan. Walau bagaimanapun bagi meningkatkan ciri-ciri keselamatan dan penambahbaikan jalan di laluan berkenaan, kementerian ini telah mengarahkan Ibu Pejabat JKR untuk menjalankan audit keselamatan yang menyeluruh di lokasi berkenaan.

Sekian. Terima kasih.